

## **Kesahan**

### **Rosly Bin Kayar**

Kesahan merujuk kepada ‘menguji apa yang ingin diuji’. Ini bermakna, apakah instrument yang digunakan itu dapat menguji apa yang hendak diuji. Jika pengkaji membina soalan pastikan responden boleh memahami soalan dan dapat memberikan jawapan seperti yang dikehendaki oleh penyelidik. Dari segi isi, instrument mestilah mengandungi semua isi penting. Pastikan tidak berlaku keciciran. Sekiranya alat adalah untuk mengukur ‘tahap pencapaian sendiri dalam prestasi akademik’, ia mestilah mengandungi semua isi penting berkaitan dengan tajuk yang hendak diuji. Jika pengkaji menggunakan Taksonomi Bloom sebagai model cadangan ia mestilah meliputi pengetahuan, kefahaman, penggunaan, analisis, sintesis dan penilaian konsep sendiri.

Keputusan selalunya dibuat untuk mencari apakah ‘**perkara utama**’ yang hendak diukur. Misalnya, jika pengkaji menggunakan 60 soalan soal selidik sebenarnya pengkaji hanya mengkaji satu konsep sendiri sahaja. Ini bermaksud sesuatu konsep self-esteem yang hendak diuji ditanya sebanyak 60 soalan. Terdapat 4 jenis kesahan;

- 1.Kesahan Kandungan/Isi
- 2.Kesahan Serentak
- 3.Kesahan Ramalan
- 4.Kesahan Gagasan